

Malaysia komited bantu selesai pertikaian Manila, MILF — Arroyo

MANILA, 8 Jun — Presiden Gloria Macapagal Arroyo hari ini berkata, Malaysia masih terus komited untuk membantu menyelesaikan pertikaian politik di antara Manila dan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) walaupun pertempuran sengit masih berlangsung di selatan Filipina.

Menurut Arroyo, Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberi jaminan bahawa Malaysia akan terus memberi sokongan kepada

Manila sewaktu mereka bertemu di Jepun ketika menghadiri satu persidangan awal minggu ini.

“Saya berpeluang bertemu Perdana Menteri Malaysia dan berbincang mengenai MILF dan beliau memberi jaminan bahawa Kuala Lumpur bersedia membantu Manila dalam proses damai di Mindanao,” kata Arroyo sewaktu menyampaikan ucapan mingguan di radio sekembalinya dari lawatan empat hari ke Korea Selatan dan Jepun.

Kata Arroyo, beliau memutuskan untuk menggunakan saluran diplomatik dalam usaha Manila menyelesaikan masalah di selatan Filipina.

Malaysia sebelum ini telah bersetuju untuk menjadi orang tengah dalam proses damai Manila-MILF dan menganjurkan satu rundingan di Kuala Lumpur pada bulan lalu.

Mendakwa

Bagaimanapun rundingan itu telah dibatalkan oleh Manila setelah kerajaan pimpinan Arroyo mendakwa MILF mendalangi beberapa serangan born dan serang hendap yang mengorbankan lebih 100 mangsa di selatan Mindanao sejak Mac lalu.

MILF menafikan penglibatan mereka dalam serangan tersebut tetapi Arroyo pada bulan lalu telah melancarkan gerakan ketenteraan bagi memburu ‘pengganas’ di kalangan anggota MILF.

Menurut Arroyo, rundingan damai akan diteruskan semula sekiranya MILF menyerahkan anggota-anggota mereka yang disyaki memainkan peranan dalam serangan berkenaan.

MILF juga diminta membuktikan bahawa pertubuhan itu tidak mempunyai kaitan dengan rangkaian Al-Qaeda atau pun Jemaah Islamiah (JI). — AFP